

11 NOV 1998

Ling-Timbangan/I

MCA SAMBUT BAIK SESIAPA SAHAJA YANG DILANTIK TPM -- LING

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata parti itu menyambut baik sesiapa sahaja yang akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Pelantikan ke jawatan itu adalah hak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

"Perdana Menteri adalah seorang yang arif, beliau tahu apa yang sepatutnya dilakukan dan siapa yang hendak dipilih. MCA tidak perlu menasihatkan beliau mengenai pelantikan timbalannya," kata beliau kepada pemberita di pejabatnya.

Beliau ditanya sama ada Dr Mahathir seharusnya melantik Timbalan Perdana Menteri yang baru untuk menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat pada 2 Sept lepas.

Dr Ling, Menteri Pengangkutan, berkata beliau juga menganggap pelantikan timbalan perdana menteri baru sebagai hal ehwal Umno.

Ketika ditanya bagaimana seorang pemimpin hendak dipilih sekiranya sesuatu berlaku kepada Dr Mahathir, beliau berkata Umno akan mempunyai cara-cara untuk menangani keadaan sedemikian.

"Saya rasa ada caranya yang boleh dilakukan, umpamanya dengan mengadakan mesyuarat tergepar, terserahlah kepada Umno," katanya.

Apabila ditanya sama ada pelantikan timbalan perdana menteri baru telah dibincangkan pada mana-mana mesyuarat Kabinet, Dr Ling berkata: "Tidak, ini hal ehwal Umno semata-mata."

"Sesiapa sahaja yang dipilih dan menduduki tempat di atas, dia berada di situ bukan sahaja untuk memimpin suatu bahagian negara, sebaliknya dia di situ untuk memimpin negara seluruhnya.

"Inilah hakikat yang sudah berulang kali kita lihat," kata Dr Ling.

-- BERNAMA

ARA NMO